

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	15 December 2015

UBK minat jalin kerjasama dengan universiti tempatan

PUTRAJAYA 14 Dis. - Universitas Bung Karno (UBK) amat berminat menjalinkan kerjasama dengan beberapa universiti di negara ini dalam bidang minyak dan gas, pengurusan serta teknologi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, hasrat tersebut disampaikan oleh pengasas Yayasan Pendidikan Soekarno (YPS), Rachmawati Soekarnoputri ketika mengadakan pertemuan dengannya hari ini.

Beliau berkata, Yayasan Kepimpinan Perdana akan bertindak sebagai pemudah cara ke arah jalinan kerjasama itu terutama dalam membantu mereka mengenal pasti universiti-universiti tempatan yang bersesuaian.

"Terdapat tiga universiti telah kita kenal pasti bagi tujuan ini iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Multimedia Malaysia (MMU) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP)," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan itu di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Sidang akhbar itu turut dihadiri oleh Rachmawati.

Dr. Mahathir berkata, satu memorandum persefahaman (MoU)



MAHATHIR MOHAMAD menerima cenderamata daripada Rachmawati Soekarnoputri di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.

akan ditandatangani dengan semua pihak terlibat bagi membolehkan kerjasama itu dijalankan seperti mana dirancang antaranya melaku-

kan pertukaran profesor dan pensyarah antara universiti-universiti terbabit.

Dalam pada itu Rachmawati

berkata, pihaknya akan menjemput Dr. Mahathir ke UBK pada Jun tahun depan untuk memberikan syarahan umum di universiti tersebut.